

04/01/2003

`Pendapat kehakiman kes selak kain ganjil'

Mokhtar Alias

SIMPANG PERTANG, Jumaat - Mahkamah Majistret Alor Star mengemukakan pendapat kehakiman yang ganjil dengan meminta kain sarung sebagai bukti dalam kes Penyelia Pas Parlimen Gua Musang, Abdul Razak Abas, yang didakwa menyelak kain dan menunjukkan kemaluan kepada seorang ahli Puteri Umno.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, memberi contoh jika seseorang kena rogol, sama ada kain sarung diperlihatkan atau tidak, ia tidak menjadi masalah.

Beliau berkata, apa yang penting ialah ada pihak yang melihat subjek (tertuduh) itu menyelak kainnya.

"Tidak perlu bagi pihak lain untuk dapatkan kain sarung yang dipakai oleh pihak berkenaan.

"Bagaimanapun, hal ini akan dipertikaikan, saya berpendapat penelitian yang mendalam perlu dibuat supaya rayuan dapat dipertimbangkan," katanya kepada pemberita selepas merai dan menyampaikan sumbangan untuk bakal jemaah haji dan pelajar cemerlang dalam Parlimen Jelebu di Dewan Simpang Pertang, di sini, petang ini.

"Soal meneruskan rayuan atau tidak di tangan Pendakwa Raya, saya cuba kemukakan kepadanya aspek perundangan yang berkemungkinan pihak pendakwa tidak dapat timbulkan atau mahkamah alpa dengan pembuktian yang cukup," kata Rais yang juga Ahli Parlimen Jelebu dan Ketua Umno bahagian Jelebu.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar hari ini, Timbalan Pendakwa Raya kes penyelia Pas Parlimen Gua Musang Abdul Razak Abas yang dibebaskan daripada tuduhan menyelak kain dan menunjukkan kemaluan kepada seorang anggota Puteri Umno, sudah mengemukakan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi di Alor Star.

Notis rayuan itu dikemukakan sejurus selepas Mahkamah Majistret Alor Star membuat keputusan membebaskan dan melepaskan tertuduh daripada tuduhan berkenaan, Khamis lalu.

Ditanya dakwaan peguam Karpal Singh yang mengatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghina mahkamah ketika Perdana Menteri memberi pandangan mengenai kes itu, Dr Rais berkata sama ada ia menghina atau tidak, ini soal kehakiman.

Beliau berkata, Perdana Menteri tidak melakukan tindakan mencerca proses kehakiman kerana seseorang berhak mengeluarkan pendapat mengenai proses perbicaraan.

Katanya, beliau cuma zahirkan pandangannya yang merujuk betapa sinisnya keadaan perbicaraan itu.

"Contohnya, apabila seseorang memberi komen keputusan mahkamah syariah mengatakan kes ini dibenarkan untuk dilapor atau sebaliknya.

"Orang ramai berhak menyatakan di manakah keadilan, jadi kita mahu tahu nasnya.

"Dalam kes selak kain, kita nak mengetahui adakah sebagai Perdana Menteri misalnya kita tidak boleh keluarkan pandangan sedangkan perjalanan kes telah menjadi domain pada politik dan perbahasan politik," kata Dr Rais.

Menurut beliau, mana-mana pihak sama ada Pas atau Umno mestilah menghormati keadilan.

"Mana-mana pihak yang tidak menghormati keadilan di atas asas yang ada boleh dipertikaikan.

"Jika Pas kalah dalam kes ini, soalnya ini bukan kes Pas, bukan kes Umno, ini soal seseorang yang memperagakan arena kemaluannya untuk orang

ramai.

"Ini tidak ada kena mengena dengan Pas, tinggal lagi yang menyelak kain barangkali penyokong Pas yang kuat, maka ditaburkan cerita bahawa pihak berkuasa tidak adil," katanya.